

## Sandtray Therapy for Young Girls in A Shelter Home

Muhammad Razif Ismail<sup>1</sup>, Salleh Amat<sup>2</sup>, Ku Suhaila Ku Johari<sup>3</sup>, Zuria Mahmud<sup>4</sup>  
razifismail@icloud.com

Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.<sup>1234</sup>

**Abstract.** Sandtray therapy involves the use of verbal, audio-visual and touch sensory that will make counselling sessions more comprehensive. Researches executed the interview and observation method in this qualitative study which involved four teenage girls at a shelter home. The data was obtained through verbal communication in group counselling using sandtray therapy and images of miniature arrangement in the sandtray, and was analysed using thematic process. The findings showed how sandtray therapy could help clients to visualize the issues more effectively and helped the counsellor to identify issues. Clients also showed positive emotional development and gained insights easier when they realized the negative emotions they held. Results of this study supported the use of sandtray therapy for girls in shelter homes.

**Keywords:** Sandtray Therapy, Play Therapy, young girls, shelter home.

### 1 Pendahuluan

UNICEF (1990) dengan Konvensi Mengenai Hak Kanak-kanak mendefinisikan kanak-kanak sebagai individu dibawah umur 18 tahun, kecuali undang-undang sesebuah negara yang menetapkan umur rasmi terhadap kedewasaan yang lebih muda. Mereka perlu dilayan secara adil walau apa pun; tidak kira bangsa, agama, kebolehupayaan, jantina, bahasa yang mereka gunakan atau sama ada mereka kaya atau miskin. Kepentingan terhadap kanak-kanak perlu dijadikan keprihatinan utama dalam membuat keputusan yang akan memberikan kesan kepada mereka. Orang dewasa perlu melakukan apa yang terbaik untuk kanak-kanak. Apabila mereka membuat keputusan, mereka perlu memikirkan tentang bagaimana keputusan mereka akan meninggalkan kesan terhadap kanak-kanak (UNICEF 1990). Perkara ini tertakluk dan digunakan terhadap anggaran bajet, pembinaan polisi dan membuat undang-undang.

Walaupun Konvensi Hak Kanak-kanak telah dilancarkan secara rasmi dari tahun 1989, namun, kehidupan kanak-kanak masih dalam kesusahan. Kanak-kanak masih terdedah kepada pelbagai ancaman ekonomi, sosial, budaya dan masalah politik kepada sesetengah negara yang miskin dan membangun di Asia dan Afrika (Rena, 2007). Malaysia telah menunjukkan beberapa petanda tentang kanak-kanak yang menjadi mangsa kecederaan, pengabaian, eksloitasi, keganasan seksual dan pemerdagangan kanak-kanak. Sebahagian kanak-kanak ditinggalkan ditempat yang tidak selamat setelah dilahirkan. Tidak perlu dinafikan lagi, kesan daripada kemahiran keibubapaan yang lemah dan kurangnya penjagaan daripada keluarga, menyebabkan kanak-kanak telah terlibat dengan kes jenayah dan sikap antisosial. Data daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menunjukkan bahawa pada tahun 2016, seramai 4 886 kanak-kanak berusia 10-12 tahun telah terlibat dengan jenayah. Daripada jumlah

tersebut, seramai 4607 adalah lelaki dan 279 adalah perempuan. Selain itu, data daripada kerajaan menunjukkan pada tahun 2014, seramai 429 kanak-kanak (2716 perempuan dan 1579 lelaki) memerlukan perlindungan dan jagaan daripada kerajaan (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2018). Sebanyak 13 badan kerajaan telah melaksanakan rumah perlindungan untuk kanak-kanak yang dikenali Rumah Kanak-Kanak (RKK) di seluruh Malaysia dengan kapasiti senyak 1300 residen.

Kanak-kanak yang mendiami rumah perlindungan telah dirujuk oleh perintah mahkamah di bawah perenggan 30(1)(d) Akta Kanak-Kanak 2001. Merujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (2018), kanak-kanak ini menjadi mangsa atau berpotensi untuk menjadi mangsa keganasan fizikal, emosi atau seksual oleh penjaga atau ibu bapa mereka ; atau diabaikan dan gagal untuk diawasi oleh penjaga atau ibu bapa, keperluan yang tidak dipenuhi, kanak-kanak yang tiada ibu bapa atau penjaga, kanak-kanak yang ditinggalkan ibu bapa atau penjaga, terlibat dengan pergaduhan, terlibat dengan pembuangan masa, membuat persebahan jalanan atau menawarkan sesuatu untuk dijual dan terlibat dengan aktiviti yang berbahaya. Pengabaian emosi juga mengambil tempat terhadap kanak-kanak (Laaksonen et al., 2011).

Rumah perlindungan bukan sahaja menyediakan penjagaan, tetapi juga menggalakkan kanak-kanak ke arah kemajuan fizikal, mental dan emosi yang positif. Kajian kontemporari menunjukkan bahawa banyak sokongan telah diterima semasa dan selepas keganasan seksual mempunyai kemampuan untuk mengikis kesan negatif terhadap minda individu dan mebantu mereka untuk bekerja secara efektif di dalam kehidupan (Yancey & Hansen, 2010; Hyman, Gold & Cott, 2003).

Walaupun begitu, ada juga laporan media berkaitan kes-kes yang melanggar hak kanak-kanak walaupun di rumah perlindungan. Sebagai contoh, kematian kanak-kanak yang bermumur 14 tahun yang merupakan penghuni Sekolah Tunas Bakti Taiping pada Mei 2008. Seorang staf telah ditahan untuk membantu siasatan (The Star, 8 Mei 2008). Selain itu, pada November 2009 33 remaja perempuan membuat laporan polis mengatakan bahawa mereka telah mengalami keganasan seksual oleh senior mereka. Kejadian ini telah menimbulkan persoalan daripada orang awam tentang pengurusan rumah perlindungan sebagai tempat menjaga dan melindungi kanak-kanak yang tidak bernasib baik.

Perlu diingatkan bahawa, kanak-kanak yang berada di rumah perlindungan bukan sahaja trauma sebelum mereka diselamatkan, malah mereka juga menghadapi cabaran daripada kanak-kanak lain dan juga institusi penjagaan mereka sendiri. Kognitif, emosi dan sikap kanak-kanak akan terkesan sehingga mereka menjadi dewasa (Muhammed Sharif & Nur Diyana, 2012; Browne & Finkelhor, 1986; Lianny, 2004).

Sesi kaunseling lisan konvesional mampu menyumbangkan banyak perkongsian informasi, namun kepada kanak-kanak dan remaja yang mengalami trauma, perkara ini mungkin membawa kepada kehilangan kata-kata dan kekeliruan. Apabila ia melibatkan orang-orang yang penting (ahli keluarga mereka) atau sesiapa sahaja yang mempunyai pengesahan secara rasmi terhadap kanak-kanak, mereka menjadi teragak-agak untuk berkongsi. Mereka menggunakan masa yang lebih lama untuk mengenal pasti isu yang perlu di utamakan dan dalam masa yang sama, kaunselor perlu menganalisis isu-isu tersebut dengan lebih mendalam dan berhati-hati. Ia amatlah sukar apabila melibatkan banyak pihak dan sukar untuk dibuktikan (Pipe, Lamb, Orbach&Cederborg, 2013).Banyak kajian telah menunjukkan bahawa

sokongan sosial yang diterima oleh mangsa keganasan seksual masih berkurangan (Schobucher, Maier, Mohler-Kuo, Schnyder&Landolt, 2014).

Terapi dulang pasir dalam proses kaunseling adalah terapi ekspresi yang memberikan kebebasan kepada kanak-kanak untuk menyusun maniatur mereka dia dalam “sandtray” atau “sandbox” untuk mencipta dunia yang berkait rapat dengan perkara yang mereka telah lalui di dalam kehidupan yang sebenar (Homeyer& Sweeney, 2011). Di dalam kaunseling, pendekatan terapi dulang pasir ini digunakan untuk membantu pesakit untuk mempunyai kefahaman yang lebih baik tentang isu-isu yang mereka sedang hadapi, melalui penggambaran imej daripada dulang pasir. Setiap objek atau mainan dan susunannya yang disusun oleh pesakit di dalam “sandtray” adalah satu eksresi dan mempunyai maksud yang tersendiri (Homeyer& Sweeney, 2011). Penggunaan terapi dulang pasir ini mampu menolong pesakit untuk ekspresikan ingatan mereka, emosi mereka dan menukar emosi negatif yang tidak disedari klien kepada emosi yang dalam keadaan sedar (Nur ShakilaIbrarim& Ku Suhaila Ku Johari, 2015).

Terapi sandtray mampu membantu pesakit untuk mengurangkan “noise” atau isu-isu sampingan yang mengganggu klien dalam menghadapi isu utama mereka. Dimana, pesakit mampu mengutamakan isu untuk mengelakkan kekeliruan disebabkan informasi yangterlampaunya banyak yang mereka mahu kongsikan. Perkara ini berlaku semasa proses pemilihan maniatur pada permulaan sesi ini. Proses pemilihan maniatur melibatkan deria sentuhan dan visual di mana pesakit perlu melihat, memegang dan akhirnya memilih maniatur mereka dengan memegang dan meletakkannya di dalam “sandtray” (Nur ShakilaIbrarim& Ku Suhaila Ku Johari, 2015).

Selepas itu, pesakit akan menyusun miniatur dan objek mengikut cerita yang mereka mahu visualisasikan di dalam “sandtray”. Mereka diberi kebebasan untuk membuatnya. Penceritaan pesakit melalui dulang pasir atau “sandtray” melibatkan penggunaan simbol dan metafora yang memerlukan pemahaman daripada kaunseling dengan menggunakan kemahiran asas dalam terapisandtray (Nur Shakila Ibrahim & Ku Suhaila Ku Johari, 2015). Daripada penggambaran isu-isu yang dihadapi oleh pesakit di dalam dulang pasir akan membantu mereka untuk melihat masalah mereka daripada perspektif yang berbeza yang menyediakan pemahaman yang lebih baik tentang masalah tersebut.

Terapi dulang pasir juga membenarkan pesakit untuk menggunakan deria yang banyak berbanding dengan kaunseling konvensional yang hanya berfokuskan kepada aspek percakapan (Goodwin &Boik, 2000). Penglibatan deria yang banyak akan merangsang aspek kognitif pesakit untuk memiliki cara pemikiran yang lebih rasional dan membantu untuk menyeimbangkan emosi pesakit (Goss & Campbell, 2004).

## 2 Metode

Tujuan kajian kes ini adalah untuk mengetahui proses kaunseling yang menggunakan pendekatan terapi sandtray kepada kanak-kanak yang berada dirumah perlindungan mengenai isu-isu dalaman. Pengumpulan data telah dilaksanakan melalui pemerhatian secara terus daripada sesi kaunseling samaada secara lisan atau bukan lisan.

Peserta adalah 4 orang kanak-kanak perempuan yang berumur 10-17 tahun yang menetap di rumah perlindungan. Mereka tinggal di rumah perlindungan di atas beberapa perkara termasuklah pengabaian, keganasan seksual dan tidak diawasi oleh penjaga atau ibu bapa. Mereka telah dijemput untuk menjalani satu sesi terapi sandtray sebagai salah satu dari beberapa siri program kaunseling yang diadakan di rumah tersebut.

Data daripada kajian kes ini telah dikumpul melalui sesi pemerhatian, komunikasi lisan dan bukan lisan, laporan yang dianalisa daripada sesi dan gambar yang diambil daripada sesi tersebut. Ia juga melibatkan pengawasan daripada pakar terapi sandtray.

### 3 Hasil dan Pembahasan

#### Klien A

Dari mula, beliau amat gembira apabila dipilih dan terus memilih miniatur yang dirasakan menarik yang boleh digunakan. Klien tersenyum melihat semua miniatur dan mainan yang telah disediakan. Klien telah mengambil masa untuk memilih miniatur. Adakah, klien telah meletak semula miniatur yang diambil pada permulaan kerana telah menjumpai miniatur yang lebih menarik dan mainan yang lebih sesuai untuk digunakan.

Semasa proses untuk menyusun miniature di dalam sandtray, klien menyanyi secara perlahan sementara meletakkan dan mencorakkan sandtraynya.

Melihat hasilnya, klien telah menyusun sandtray dengan separuh garisan petak dengan pelbagai kenderaan daripada lori hingga kepada kereta yang kecil. Itu adalah gambaran klien terhadap dunia luar yang bermaksud terdapat ramai orang yang mempunyai tujuan yang berbeza dalam kehidupan. Lapisan di bahagian dalam, klien telah menyusun seekor raksasa dan beberapa ekor badak untuk menjaga tempat tersebut. Menurut penjelasan klien, itu adalah simbolik kepada penjaga rumah perlindungan ataupun warden mereka yang sangat garang dan klien sememangnya takut kepada mereka.

Klien juga menyusun beberapa orang tukang kayu disekeliling raksasa dan badak tersebut. Ini menunjukkan bahawa klien mampu belajar beberapa kemahiran vokasional dari rumah perlindungan tersebut. Lapisan terakhir terdapat seorang puteri yang duduk di dalam biliknya yang dikawal rapi. Klien menerangkan bahawa puteri itu adalah dirinya yang seakan sedang berada di dalam bilik di rumahnya.

#### Klien B

Beliauberasa amat gembira apabila diberi peluang untuk memilih miniatur yang disediakan. Semasa pemilihan miniatur, klien memilih dengan berhati-hati sambil perasaan gembira terpancamukanya. Semasa klien menyusun semua mainan yang telah dipilihnya, pengkaji dapat mendengar klien membuat bunyi yang berkaitan dengan mainan atau miniatur yang dipegangnya ketika itu. Klien telah membuat bunyi Batman yang sedang bergaduh dan bunyi kapal terbang.

Daripada dulang pasir tersebut, dapat dilihat Batman sedang memegang pedang yang sedang mengawasi kawasan tersebut. Bersebelahan dengan Batman tersebut terdapat bom.

Klien menerangkan bahawa Batman dan bom tersebut menggambarkan wardennya yang garang dan tegas. Jika seseorang telah melanggar peraturan tidak kira kecil atau besar, mereka akan dihukum seperti yang digambarkan sebagai bom tersebut.

Tempat tersebut telah dipagari dan diluar pagar tersebut ada dua buah kapal terbang. Klien ingin pergi jauh dari situ kerana dia memberitahu pengkaji bahawa dirinya tidak bahagia tinggal disitu. Di dalam pagar tersebut juga, terdapat seseorang yang digambarkan sebagai watak kartun The Smurf. Klien merasa sangat keseorangan walaupun ada lagi 80 orang kanak-kanak yang lain tinggal disitu.

### **Klien C**

Klien mengambil miniatur tersebut dalam beberapa saat sahaja. Klien memberitahu pengkaji, dia tahu apa yang dia mahu. Apabila klien duduk untuk menyusun miniatur tersebut dalam dulang pasir, klien tidak membuat sebarang bunyi. Pengkaji hanya dapat melihat mukanya yang begitu fokus.

Klien juga hanya mengambil masa beberapa minit untuk menyusun miniaturnya. Apabila sudah siap, klien tidak memberi sebarang signal kepada pengkaji. Komunikasi pengkaji dengan klien, hanya dimulakan pengkaji. Di dalam dulang pasirnya klien, terdapat banyak haiwan yang berbisa dan berbahaya seperti ular, labah-labah, harimau dan buaya.

Klien menyatakan bahawa itu adalah ancaman yang dihadapinya di dalam hidup. Warden mereka juga termasuk dalam salah satu haiwan yang berbisa tersebut. Klien tidak berasa tenang apabila tinggal di dalam rumah perlindungan tersebut. Namun klien juga sedar bahawa dunia luar juga amat berbahaya untuk dirinya. Klien meletakkan dirinya sebagai peluru di dalam dulang pasir tersebut yang dikelilingi oleh dinding-dinding dan haiwan tersebut. Peluru tersebut memberi kekuatan kepada dirinya dan mampu meninggalkan kesan yang besar jika ia meletup.

### **Klien D**

Klien mengambil masa untuk memilih miniatur yang ingin diletakkan di dalam sandtray tersebut. Pergerakannya agak perlahan, namun pengkaji dapat melihat kegembiraan dimukanya. Semasa sesi tersebut, klien amat fokus dalam menyusun miniaturnya didalam dulang pasir tersebut. Lagi sekali, pergerakannya memang agak perlahan. Namun pengkaji tidak nampak sebarang keraguan yang ditunjukkan klien dalam menyusun miniaturnya.

Beliau meletakkan seekor ayam didalam pagar yang kecil yang ditempatkan di hujung sudut dulang pasir tersebut. Ini menggambarkan dirinya sebagai ayam yang terperangkap di dalam rumah perlindungan tersebut, keseorangan. Di luar pagar, klien meletakkan Hulk dan Power Rangers yang sedang menolak Ultraman ke sebuah sudut di dalam dulang pasir itu. Klien menyatakan bahawa itu adalah tanggapannya terhadap dunia luar yang dipenuhi dengan pembuli yang ingin membuli.

Disebelah pagar pula, terdapat dua batang aiskrim yang menggambarkan kubur ibu bapanya. Klien merupakan seorang anak yatim piatu. Terdapat juga kereta yang disebelahnya terdapat dua orang yang sedang berdiri; menggambarkan kehidupan normal yang klien

mahukan diluar rumah perlindungan. Klien juga meletakkan beberapa kerang, burung, udang galah dan beberapa batu yang menggambarkan tempat yang disukainya iaitu pantai.

### **Perbincangan**

#### **Pra Sesi**

Pengkaji telah membuat proses penstrukturkan di setiap peringkat utama sesi tersebut dan telah menerangkan prosedur dan etika dalam kaunseling. Pada masa yang sama, pengkaji juga menekankan tentang tanggungjawab kanak-kanak sebagai klien supaya sesi tersebut menjadi lebih bermakna. Pengkaji juga menyatakan beberapa langkah yang akan diambil sepanjang proses untuk menjalankan terapi tersebut.

Pada peringkat ini, kanak-kanak akan dipujuk untuk memberi kepercayaan kepada pengkaji dan semua isu yang akan dibincangkan akan tertakluk dengan etika kerahsiaan. Pengkaji mengulangi beberapa kali penerangan untuk memastikan kanak-kanak dapat memahami apa yang akan berlaku. Ketika itu, perhatian mereka telah beralih ke miniatur dan mainan yang berada di situ.

Pada kali pertama kami berjumpa, kanak-kanak tersebut tidak mempunyai perasaan yang positif terhadap sesi ini. Pada mereka, mereka telah terlibat dengan pelbagai jenis program kaunseling dan motivasi sebelum ini, yang pada akhirnya mereka akan ditinggalkan seperti biasa di rumah perlindungan apabila berakhirnya sesuatu program. Pengkaji telah menerangkan bahawa program ini berbeza kerana ianya akan bersambung pada minggu hadapan dan beberapa tarikh akan datang. Selepas itu, mereka menjadi lebih tenang dan bersetuju untuk menyambung dan menyumbang kepada sesi terapi sandtray.

### **Penciptaan Hubungan**

Hubungan yang baik di antara pengkaji dan kanak-kanak dalam sesi ini amatlah penting. Untuk merealisasikan perkara tersebut, pengkaji akan duduk bersama dengan kanak-kanak. Kami juga telah memilih jarak yang sesuai di antara kumpulan supaya mereka tidak mendengar perbincangan kumpulan lain.

Pengkaji juga membuat ekspresi muka dan bahasa yang bersesuaian dengan kanak-kanak. Untuk membina hubungan yang baik, kemahiran asas kaunseling seperti mendengar, membuat pertanyaan terbuka dan tertutup, parafrasa, tindakbalas perasaan pengkaji apabila menerima informasi tentang latar belakang klien, memahami cara berfikir dan sikap kanak-kanak sangatlah penting untuk dikuasai. Amat susah untuk mendapatkan kepercayaan mereka tetapi amat mudah untuk kehilangannya.

### **Eksplorasi Dan Pengesahan Masalah**

Daripada terapi dulang pasir yang telah digunakan, eksplorasi dan pengesahan masalah menemui bahawa, kanak-kanak tersebut tidak bahagia ketika tinggal dirumah perlindungan. Mereka merasakan mereka tinggal di dalam penjara, dilayan seperti banduan oleh warden mereka. Lebih teruk lagi, apabila mereka tidak mempunyai sesiapa yang boleh berkongsi masalah apabila ianya berlaku. Pada suatu peringkat, mereka merasakan perkara ini berkaitan dengan pengalaman masa lampau mereka dan menyebabkan perasaan trauma kembali hadir dalam diri mereka.

Mempunyai kawan yang berkongsi latar belakang yang hampir sama juga sebenarnya tidak membantu mereka. Sebahagian dari mereka mempunyai kawan rapat namun mudah terasa hati apabila mereka melakukan kesilapan yang kecil. Mereka akan beranggapan bahawa semua manusia sama dan akan melakukan kesalahan yang sama. Oleh itu, mereka mengelak untuk membina apa-apa hubungan kerana itu akan menyakitkan hati dan perasaan mereka semula.

Mereka ingin keluar daripada rumah perlindungan tersebut, namun mereka tidak mempunyai apa-apa persediaan untuk memastikan mereka dapat meneruskan kehidupan di luar. Mereka merasakan seperti menjalani kehidupan yang tidak bermakna, tiada aspirasi atau sesuatu yang boleh dipegang untuk mereka teruskan hidup.

#### Mengenalpasti Kognitif Klien Dan Arah Sesi Kaunseling

Pendekatan terapi dulang pasir telah membantu pengkaji untuk mengenalpasti isu yang dihadapi oleh kanak-kanak secara tepat kerana ianya telah divisualisasikan di dalam dulang pasir. Emosi negatif yang dirasai oleh kanak-kanak adalah disebabkan persekitaran tidak sihat yang mereka harus lalui setiap hari yang berpunca daripada sikap kasar warden.

Perasaan dan emosi negatif yang dilalui oleh mereka pada jangka masa panjang telah menyumbang kepada pemikiran kognitif yang tidak sihat. Mereka tidak mahu berkongsi masalah mereka dengan warden dan tidak mempercayai kawan-kawan mereka.

Penggunaan dulang pasir ini telah membantu kanak-kanak untuk mengekspresikan emosi mereka secara jelas tanpa rasa ragu-ragu termasuklah isu yang melibatkan warden mereka. Selain itu, ia juga membantu pengkaji untuk mempunyai pandangan yang lebih baik terhadap masalah kanak-kanak melalui ekspresi visual dan eksplorasi yang telah dilakukan.

#### Perbincangan Alternatif

Klien sedar bahawa mereka perlu tahu dan faham tentang dua aspek penting dalam kehidupan. Yang pertama adalah sesuatu perkara yang mereka boleh kawal seperti sikap, emosi, pergerakan, perancangan dan yang kedua adalah perkara yang mereka tidak boleh kawal seperti sikap warden mereka, persepsi orang lain, pengalaman masa lampau.

Mereka menyuarakan perancangan mereka untuk lebih fokus kepada perkara yang mereka boleh kawal. Mereka mahukan minda dan emosi yang positif dan perancangan untuk meningkatkan kemahiran sebagai persediaan untuk mereka menghadapi dunia luar apabila mereka telah keluar dari rumah tersebut satu hari nanti.

Berkaitan dengan warden pula, mereka akan cuba bercakap perkara tersebut dengan Pengetua mereka kerana dia seorang yang baik untuk mereka. Untuk berbuat begitu, mereka harus membuat perancangan yang baik untuk mengelakkan sebarang perselisihan faham dan situasi menjadi lebih teruk.

Mereka akan cuba untuk memaafkan ibu bapa dan penjaga yang mengabaikan mereka kerana mereka tahu melalui kemaafan, mereka mampu menjalani kehidupan yang lebih

baik. Mereka juga sedar bahawa mereka tidak berada di tempat ibu bapa atau penjaga mereka, jadi tidak adil untuk mereka menilai secara negatif sehingga mereka memahami situasi yang sebenar.

#### Tindakan Yang Akan Diambil

Kanak-kanak tersebut telah belajar cara untuk memperoleh dan memberi kepercayaan daripada sesi dulang pasir yang telah mereka lakukan bersama pengkaji. Mereka mahu menggunakan konsep yang sama selepas sesi tersebut bersama kawan yang telah dipilih dengan cara berkongsi percakapan tentang perkara yang kecil dahulu seperti rutin harian. Dengan cara itu, mereka berharap, mereka dapat mengurangkan beban yang mereka telah simpan selama ini.

Mereka juga sedar bahawa komunikasi yang baik dimulakan dengan penggunaan bahasa yang baik. Perkara ini akan mereka gunakan apabila mereka berkomunikasi dengan warden dan Pengetua mereka dengan rasional apabila mereka mengubah kelakuan mereka kepada lebih baik, maka orang sekeliling mereka juga akan turut memberikan tindak balas yang baik. Mereka amat berharap agar mereka dapat memperbaiki hubungan mereka dengan warden.

## 4 Kesimpulan

Secara keseluruhan, terapi sandtray yang telah digunakan mampu membantu pengkaji dan kaunselor untuk mengenalpasti dan mengurus masalah emosi yang dihadapi oleh klien secara efektif dan lebih fokus. Pendekatan ini juga telah mempercepatkan proses pemulihan emosi dan sikap kanak-kanak yang tidak stabil sebelumnya. Ianya amat membantu kerana mereka perlu berhadapan dengan warden dan rakan-rakan mereka yang lain setiap hari.

Pengurangan informasi yang tidak perlu dikongsikan di dalam sesi tersebut juga telah membantu pengkaji untuk terus memberi fokus kepada isu utama. Ia telah menjimatkan banyak masa dan ia amat sesuai untuk kanak-kanak kerana mereka mudah hilang tumpuan dan minat sekiranya sesi kaunseling terlambat panjang. Kombinasi pelbagai deria yang telah digunakan semasa sesi terapi telah membantu kanak-kanak untuk kekal fokus dan mempunyai keterbukaan dalam menyediakan dulang pasir mereka.

Selagi mana tanggapan dan emosi negatif masih ada dalam kanak-kanak ini, ianya akan menjadi satu gangguan kepada mereka sendiri untuk memenuhi tugas mereka sebagai ahli yang baik dan produktif kepada masyarakat. Oleh itu, proses untuk menyingkirkan gangguan diperlukan dan harus dilakukan secara betul dan dalam keadaan tenang dan gembira seperti mana yang dilakukan melalui penggunaan terapi dulang pasir.

## References

- [1] Children National Council, 2016. Act 1511 under section 82 and paragraph 128 (2)(d), (m) and (v). Retrieved at 11 January 2019 from <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=aFIzU3BRWGNKT2tIU2M4RWhvVzg0dz09>

- [2] Gross, S. & Campbell, M.A. 2004. Value of Sandplay as a Therapeutic Tool for School Guidance Counsellors. Australia. Journal of Guidance and Counselling, 14(2): 211-232.
- [3] Homeyer, L. E & Sweeney, D. S. 2011. Sandtray Therapy: A Practical Manual. Routledge. 2nd edition.
- [4] [http://eprints.um.edu.my/11143/1/Pages\\_from\\_IMPLEMENTASI\\_HAK\\_KANAK-KANAK.pdf](http://eprints.um.edu.my/11143/1/Pages_from_IMPLEMENTASI_HAK_KANAK-KANAK.pdf)
- [5] Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2018. RumahKanak-Kanak. Retrieved at 13 October 2018 from <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/lefti=YnZjVk80VDRndzg4NWdvald4d2xzUT09>
- [6] Laaksonen, T., Sariola, H., Johansson, A., Jern, P., Varionen, M., von der Pahlen, B., et al. 2011. Changes in the prevalence of child sexual abuse, its risk factors, and their associations as a function of age cohort in a Finnish population sample. Child Abuse and Neglect, 35, 480-490. doi:10.1016/j.chab.2011.03.004.
- [7] Muhammed Sharif Mustaffa, & Nur DiyanaAbd Rahim. 2012. Psychology's Effect and Support System For Victim's of Sexual Abuse. Journal of Educational Psychology & Counseling, 6(6), 30-49.
- [8] NurShakila Ibrahim & Ku Suhaila Ku Johari. 2015. The Application of Sandtray Therapy in Counselling Process. Jurnal PERKAMA 19. 121-134.
- [9] Pathmanathan A/L R. Nalasamy&SitiHajar Abu Bakar, 2010. Implementation of Children Rights (CRC) At Children Safe House: Findings of Pilot Study retrieved at 13 October 2018 from
- [10] Pipe, M. E., Lamb, M. E., Orbach, Y., & Cederborg, A. C. (Eds.). 2013. Child sexual abuse: Disclosure, delay, and denial. New York: Psychology Press.
- [11] Rena, Ravinder. 2007. Child Right's Convention and Its Implementation. Indian Ocean Digest, Vol.22, No. 1&2 (January-December), pp. 1-11.
- [12] Schobucher, V., Maier, T., Mohler-Kuo, M., Schnyder, U. & Landolt, M. A. 2014. Adolescent perspectives on social support received in the aftermath of sexual abuse: A qualitative study. Arch Sex Behav, 43, 571-586.
- [13] The Star, 2008. Man held over trainee's death. Retrieved at 13 October 2018 from <http://thestar.com.my.metro/story.asp?file=2008/5/3/north/21141971&sec=north>
- [14] UNICEF, 1990. The Convention onthe Rights of the Child. Retrieved at 13 October 2018 from [https://www.unicef.org/crc/files/Guiding\\_Principles.pdf](https://www.unicef.org/crc/files/Guiding_Principles.pdf)
- [15] Yancey, C. T., & Hansen, D. J. 2010. Relationships of personal, familial, and abuse-specific factors with outcome following child sexual abuse. Aggression & Violent Behavior, 15, 410-421. doi:10.1016/j.avb.2010.07.003.